

12 JUN 2003

Sabah-Pilihan raya

TARIKH SESUAI PILIHAN RAYA NEGERI AKAN DIPERTIMBANGKAN

KOTA KINABALU, 12 Jun (Bernama) -- Sabah akan berbincang dengan kepimpinan Barisan Nasional (BN) mengenai masa yang sesuai untuk mengadakan pilihan raya negeri ke-10, kata Ketua Menteri Datuk Musa Aman.

"Kita akan pertimbangkan masa yang sesuai... pemimpin negeri akan berbincang dengan pemimpin pusat terutamanya dengan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai bila masa yang sesuai untuk pilihan raya Sabah," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Beliau berkata Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan 12 kerusi tambahan yang diperuntukkan untuk negeri berikutan persempadanan semula pilihan raya.

Sabah kini mempunyai 60 kerusi berikutan dengan persempadanan itu dan pilihan raya negeri perlu diadakan selewat-lewatnya bulan April tahun depan.

Musa yang juga pengerusi BN negeri dan Ketua Perhubungan Umno Sabah juga ditanya mengenai kedudukan anggota dewan undangan negeri Bingkor Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang dilaporkan akan kekal sebagai "anggota dewan undangan BN yang bebas" berikutan permohonannya menyertai Umno ditolak.

Musa berkata tiada apa salahnya jika Jeffrey mahu berbaik-baik dengan BN.

Ditanya sama ada BN akan mengiktiraf kedudukan beliau terutama dari segi peruntukan projek, Musa berkata BN akan menimbangkan permohonan beliau.

"Tidak semestinya kita memberi pertimbangan kepada (kawasan) yang diwakili BN sahaja," katanya.

Jeffrey, bekas timbalan presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) dilaporkan akhbar hari ini telah menolak tawaran untuk menyertai pembangkang.

-- BERNAMA

JS BK RON